

BAB EMPAT

BAB EMPAT

ANALISIS KONTRASTIF KATA ADJEKTIF

BAHASA MELAYU DAN BAHASA ARAB

4.0 Pendahuluan

Setelah dilihat jenis dan pembentukan KA di antara BM dan BA, didapati KA dalam BM menggunakan kata pengukuh seperti benci, suka dan sebagainya dan ia merupakan satu unit ilmu nahu yang tersendiri, berasingan dari kata nama, kata kerja dan partikel. Manakala KA dalam BA termasuk di dalam katogeri kata nama dan ia dibentuk dengan menggunakan pola-pola kata tertentu seperti KN pelaku (اسمُ الفاعلِ) ,

KN objek (اسمُ المفعولِ) KA Tabie (صفة المشبهة) dan KNK (اسمُ التفضيلِ). Berikut adalah beberapa persamaan dan perbezaan yang diperolehi setelah analisa perbandingan dibuat di antara KA dalam BM dan BA.

4.1 Persamaan Kata Adjektif Di antara BM Dan BA

Terdapat beberapa persamaan di antara kata adjektif di dalam BM dan BA. Di antaranya ialah :

- a. Kedudukan kata adjektif dan kata yang disifat adalah sama, di mana kata nama yang disifat itu sering mendepani kata sifat.

Contoh : (B.A) الَلَّاعِبُ الْمَاهِرُ فِي الْمَلْعَبِ

Contoh : (B.M) *Pemain yang cekap itu berada di padang.*

- b. Kata adjektif dan kata nama yang disifat sering kait mengait di antara satu sama lain dan tidak boleh diselangi dengan perkataan lain.

Contoh : (B.A) مُحَمَّدٌ مُحَاضِرٌ نَشِيطٌ

Maksudnya : *Muhammad seorang pensyarah yang aktif.*

Di antara kata adjektif dan kata yang disifat tidak boleh diselangi dengan perkataan yang lain, seperti contoh di bawah :

(مُحَمَّدٌ مُحَاضِرٌ وَوَلَدٌ مُجْتَهِدٌ).

Maksudnya : *Muhammad seorang pensyarah seorang budak lelaki yang rajin.* Ayat ini adalah salah dari segi struktur dan maknanya.

Keadaan ini disebabkan terdapat perkataan (وَوَلَدٌ) yang membawa maksud seorang budak lelaki berada di posisi di antara kata adjektif dan kata nama yang disifatkan iaitu perkataan (مُحَاضِرٌ) yang bermaksud seorang pensyarah.

Contoh : (B.M) *Bola kecil itu di dalam almari.*

Oleh itu ayat ini (*Bola golek kecil itu di dalam almari*) adalah salah dari segi tatabahasa dan maknanya. Perkataan kata kerja *golek* tidak boleh menyelangi subjek dan kata adjektif.

c. Kata adjektif di dalam kedua-dua bahasa boleh diperbanyakkan.

Contoh : (B.A) زُبَيْرٌ رَجُلٌ عَالِمٌ كَرِيمٌ

Maksudnya : *Zubir seorang lelaki yang berilmu lagi mulia.*

Contoh : (B.M) Baju baru, merah dan cantik itu mahal.

d. Kata adjektif di dalam kedua-dua bahasa boleh dibentuk dengan menggunakan kata nama terbitan.

Contoh : (B.A) الطَّالِبُ الْمُجْتَهِدُ مُحْتَبَبٌ

Maksudnya : *Pelajar yang rajin disayangi.*

Contoh : (B.M) Dia mendapat markah *terbanyak*.

e. Kebiasaannya kata adjektif dalam kedua-dua bahasa dibentuk daripada kata nama.

Contoh : (B.A) الْمُعَلِّمُ رَجُلٌ صَالِحٌ

Maksudnya : *Guru itu seorang lelaki yang baik.*

Contoh : (B.M) Guru itu seorang lelaki yang baik.

f. Wujud kata sifat komparatif di dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Contoh : (B.A) أَخْوَدُكَ أَفْضَلُ الرِّجَالِ

Maksudnya : *Abang awak adalah seorang lelaki yang terbaik.*

Contoh : (B.M) Abang awak *lebih baik* daripada abang dia.

g. Kedua-dua bahasa mempunyai kata sifat yang menunjukkan warna.

Contoh : (B.A) الْقَمِيصُ الْأَحْمَرُ جَمِيلٌ

Maksudnya : *Baju merah itu cantik*

Contoh : (B.M) Baju merah itu cantik.

h. Penggunaan kata adjektif tabie dalam BA menyamai KA dalam BM.

Contoh : (B.A) جَمِيلٌ وَجْهُهُ

Contoh : (B.M) cantik rupanya

Penggunaan kata adjektif dalam struktur kedua-dua bahasa boleh didepankan seperti berikut :

Contoh : (B.A) وَجْهُهُ جَمِيلٌ (BM) rupanya cantik

i. Penggunaan kata adjektif komparatif dalm BM Dan BA adalah sama dari segi struktur dan makna :

Contoh : (BA) أَكْثَرُ مَالِهِ (BM) lebih banyak hartanya

Begitu juga penggunaan KAK yang tidak membawa makna kepada pelaku adalah sama di antara kedua-dua bahasa.

Contoh : (BA) أَحْسَنُ الْمَالِ (BM) sebaik-baik harta

Namun begitu, pembentukan KAK di atas dalam BM ditambah dengan imbuhan *se* dan digandakan KA di dalam ayat tersebut.

j. Penggunaan KA ganda terdapat di dalam kedua-dua bahasa.

Contoh : (BA) شَحِيحٌ بِحِيحٌ (BM) *hitam legam*.

k. Penggunaan kata penguat dan kata adjektif terdapat dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Contoh : Dia *sungguh cantik*. هِيَ جَمِيلَةٌ جَدًّا

l. Penggunaan kata adjektif berlawanan wujud dalam kedua-dua bahasa Arab dan Melayu. Contoh : *kaya miskin*. KA tersebut diungkapkan dalam BA dengan menambah partikel penghubung iaitu (الوَاوِ) .

Contoh : العَنِيُّ وَالْمَسْكِينُ

4.2 Perbezaan Kata Adjektif Di antara BM dan BA

Terdapat beberapa aspek perbezaan kata adjektif di antara BM dan BA. Di antaranya ialah :

a. Persamaan antara kata adjektif (sifat) dan kata nama yang disifat di dalam bahasa Arab dari aspek berikut :

i- I'rab : Kata adjektif seiring dengan kata nama yang disifat dari segi baris akhir perkataan sama ada ketika ia berada di kasus nominatif, kasus akusatif atau kasus genitif.

Contoh : كِتَابٌ جَدِيدٌ (*Sebuah buku baru*)

- ii- Gender : Kata adjektif dan kata nama yang disifat mestilah sama dari segi gender sama ada maskulin atau feminin.

Contoh : طَالِبٌ مُجْتَهِدٌ (*seorang pelajar lelaki yang rajin*)

طَالِبَةٌ مُجْتَهِدَةٌ (*seorang pelajar perempuan yang rajin*).

- iii- Bilangan : Kata adjektif dan kata nama yang disifat mestilah sama dari segi bilangan, sama ada kata tunggal, dual atau jamak. Contoh :

طَالِبٌ مُجْتَهِدٌ (*seorang pelajar lelaki yang rajin*).

طَالِبَانِ مُجْتَهِدَانِ (*dua orang pelajar lelaki yang rajin*).

طُلَّابٌ مُجْتَهِدُونَ (*pelajar-pelajar lelaki yang rajin*).

- iv- Kata adjektif dan kata nama yang disifat juga mempunyai persamaan dari kata nama difinit atau kata nama indifinit.

Contoh :

الْوَلَدُ النُّشِيطُ (*Budak lelaki yang aktif itu*).

وَلَدٌ نُّشِيطٌ (*seorang budak lelaki yang aktif*).

Persamaan kata adjektif dan kata nama yang disifat dari aspek yang disebut di atas tidak terdapat sama sekali di dalam BM.

- b. Pembentukan kata adjektif dalam BM terdapat penambahan perkataan *yang* yang membawa maksud “الذي” di dalam BA sebelum adjektif untuk menguatkan makna. Contoh : Ali seorang guru yang baik.
Hal ini tidak terdapat dalam struktur bahasa Arab.

Contoh : أَحْمَدُ مُعَلِّمٌ الَّذِي طَيِّبٌ

Maksudnya : *Ahmad seorang guru yang (yang) baik.*

- c. Pembentukan kata adjektif (kata sifat) di dalam bahasa Arab mempunyai pelbagai pola. Hal ini juga tidak terdapat dalam pembentukan kata adjektif dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan struktur BM tidak mempunyai unsur-unsur *I'rab* seperti kata nama difinit dan indifinit, kasus nominatif, kasus akusatif dan genetif. Pembentukan KA jenis inilah yang sering menimbulkan kekeliruan yang ketara di kalangan pelajar Melayu.

Menurut Mat Taib bin Pa (1996 : 137). Pembentukan kata adjektif jenis ini tidak semestinya sama dengan KA dalam BM kerana KA dalam BA mempunyai pola-pola tersendiri, seperti frasa nama, contoh قَارِئٌ قَصِيدَةٍ
pembaca syair.

Namun begitu, persoalan yang timbul di sini, adakah pembentukan KA jenis ini dalam BA mempunyai persamaan dari segi urutan kata dalam sesuatu ayat ? Menurut Mat Taib bin Pa (1996 : 137), secara umumnya penyusunan urutan kata KA jenis ini dalam ayat BA dan BM adalah sama.

Contoh : الْمُحْتَمِدُ طُلَّابُهُ *yang rajin pelajar-pelajarnya*

- d. Terdapat penambahan (Ya' nisbat) kepada kata nama untuk mengaitkan kata nama dengan sifat sesuatu bangsa di dalam bahasa Arab seperti, مَالِيَرِيّ, sedangkan di dalam BM, kata adjektif dibentuk dengan kata terbitan apitan. Contohnya : *kebaratan, kemelayuan, kearaban* dan lain-lain lagi.
- e. Kata adjektif bahasa Melayu boleh dibentuk dengan menggandakan kata dasar yang sama seperti perkataan berikut : *keputih-putihan, kemerah-merahan, tinggi-tinggi* dan sebagainya.
- f. Kata adjektif terbitan BM tidak ada dalam struktur BA.
Contoh : pokok yang tertinggi adalah pokok kelapa. Ayat tersebut diterjemahkan ke dalam BA dengan menggunakan KAK,

أَطْوَلُ الشَّجَرَةِ هُوَ النَّرَجِيلُ

4.3 Penutup

Hasil dari analisis perbandingan yang dijalankan di antara kata adjektif dalam BM dan BA, didapati banyak perbezaan yang ketara sering menyebabkan para pelajar Melayu menghadapi masalah dalam membina ayat-ayat yang gramatis khusus yang mengandungi kata adjektif atau frasa adjektif. Kesulitan yang dihadapi oleh pelajar-elajar Melayu adalah disebabkan mereka gagal menguasai struktur ayat BA dengan baik dan juga ekoran dari gangguan sistem struktur bahasa ibunda iaitu bahasa

Melayu. Pelajar-pelajar Melayu diramal akan mengalami kesulitan dan kesukaran membina ayat-ayat yang mempunyai kata adjektif yang gramatis mengikut kaedah tatabahasa bahasa Arab, khususnya yang berkaitan dengan persamaan gender, I'rāb dan bilangan. Seterusnya juga , mereka diramal mengalami kesukaran membina ayat-ayat yang mengandungi kata adjektif atau kata sifat *sababiy* dengan tepat.